

Kastam patahkan 2 cubaan seludup dadah RM6.19 juta

Putrajaya: Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) mematahkan dua cubaan menyeludup dadah jenis ketamin dan serbuk daun ketum (mitragynine) di Zon Perdagangan Bebas, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada 15 dan 16 Mac lalu, yang dianggarkan bernilai RM6.19 juta.

Penolong Ketua Pengarah Kastam (Zon Tengah), Datuk Zulkurnain Mohamed Yusuf, berkata kes pertama pada 15 Mac memabitkan cubaan menyeludup dadah ketamin seberat 54.36 kilogram bernilai RM2.45 juta, manakala pada 16 Mac pula memabitkan cubaan menyeludup serbuk daun ketum seberat 747.73 kilogram bernilai RM3.74 juta.

Pada kira-kira jam 3 pagi 15 Mac katanya, sepasukan pegawai Penguatkuasaan Unit III (KLIA)

Zon Tengah melakukan pemeriksaan terhadap 28 kotak polistirena yang diikrar sebagai makanan laut sejuk beku untuk dieksport ke Hong Kong dan 190 bungkusan ketulan mampat berbalut plastik berwarna hitam yang mengandungi serbuk berwarna putih ditemui disorok di dalam perut ikan patin.

“Bahan dadah yang disyaki ketamin itu disorok di dalam perut ikan patin yang disejuk beku adalah untuk mengelak daripada dikesan oleh pihak berkuasa di KLIA, dengan destinasi akhir adalah Hong Kong International Airport.

“Hasil siasatan kes ini mendapati dadah ketamin untuk tujuan eksport ke Hong Kong,” katanya dalam satu kenyataan semalam.

Zulkurnain berkata, seorang

lelaki warga tempatan berusia 60 tahun ditahan bagi membantu siasatan berhubung kes itu. Kes disiasat mengikut Seksyen 39B Akta Dadah Berbahaya 1952.

Pada 16 Mac lalu kira-kira jam 2.35 petang pula, katanya sepasukan pegawai Penguatkuasaan Unit III (KLIA) Zon Tengah melakukan pemeriksaan ke atas 39 kotak yang diikrar sebagai ‘Mitragnyna Speciose Leaf Powder’ yang diimport dari Indonesia.

Hasil pemeriksaan lanjut menemui sejumlah bungkusan lut sinar yang mengandungi serbuk berwarna hijau disyaki daun ketum (Mitragnynine) yang disimpan di dalam 39 kotak itu.

Susulan itu, seorang warga tempatan ditahan untuk siasatan dan kes berkenaan disiasat mengikut Seksyen 135 (1) (a) Akta Kastam 1967. **BERNAMA**



Bahan disyaki ketamin itu disorok dalam perut ikan patin disejuk beku untuk elak dikesan pihak berkuasa di KLIA, dengan destinasi akhir Hong Kong International Airport.

Zulkurnain Mohamed Yusuf,
Penolong Ketua Pengarah
Kastam (Zon Tengah)